

NEGERI MELAKA  
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH JASIN  
KES MAL BILANGAN : 04003-014-130-2009

ANTARA

XXXXXX

PLAINTIF

DAN

XXXXXX

DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Abstrak

Kes di bawah Seksyen 53(1) (b)(d)(h)(i)(l), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 – Tuntutan pembubarah perkahwinan secara fasakh, -plaintif mendakwa defendan gagal memberikan nafkah zahir batin,lazim menyakiti plaintif secara mental dan fizikal -

Fakta Kes

Plaintif dan Defendan telah dinikahkan pada 10 November 2001 di J-5974 Felcra Lembah Kesang,77300 Merlimau Melaka. dengan berwalikan bapa Plaintiff XXXXXX no sijil nikah 028681(Bil. Daftar 593/2001, Dalam perkahwinan ini , Plaintiff dan Defendan tidak dikurniakan cahayamata.

Plaintif telah memfailkan kes dengan melantik peguam dari Biro Bantuan Guaman Melaka dan diberi peguam panel iaitu dari Tetuan Z.Hashim &Co Manakala defendan juga turut melantik peguam panel dari Biro Bantuan Guaman dan peguam panel defendan dari Tetuan Yaakub Mat&Associates .

Kes ini didengar dihadapan Hakim bicara iaitu Tuan Abdul Ghani bin Kifli dan disambung dihadapan saya.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Perbicaraan bermula pada 13.7.2010 apabila plaintif memberi keterangannya. Disusuli Saksi-saksi plaintif seramai 4 orang. Manakala defendan memberi keterangan pada 17.8.2010 bersama seorang saksi dan saksi berikutnya pada tarikh 21.9.2010 sebelum menutup kes.

### **Alasan Penghakiman Ringkas**

Secara ringkasnya mahkamah ingin menarik perhatian beberapa isu yang harus diteliti mahkamah sebelum mahkamah boleh mengeluarkan keputusan dan perintah ini antaranya :-

#### **1. Apakah mahkamah berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini**

##### **Bidangkuasa.**

Setelah meneliti penyata tuntutan dan keterangan lisan pihak plaintif, Mahkamah berpuashati bahawa ia mempunyai bidang kuasa untuk mendengar, membicara dan memutuskan kes ini berdasarkan peruntukan Seksyen 4 dan 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 dan juga seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka tahun 2002.

#### **Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 *memperuntukan:-***

“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri Melaka dan bagi semua Orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Melaka tetapi tinggal di luar Negeri itu.”

#### **Seksyen 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 *memperuntukan:-***

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali :-

- a)- jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini;
- b)- jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut hukum syarak; dan

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- c)- jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Melaka.

Mengenai pemastautinan, telah memenuhi syarat yang diberikan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002. Berdasarkan Penyata Tuntutan Plaintiff, mahkamah berpuashati Plaintiff telah tinggal di alamat **J6974 ,Felcra Lembah Kesang 77300, Merlimau Melaka** melalui Lampiran sijil nikah Plaintiff . selain ianya tidak dibantah oleh Defendan pada mana-mana peringkat prosiding. Manakala Defenden pula beralamat di **No 420,Lorong PP 13 , Taman Pinggiran Pedas ,71400 Pedas, Negeri Sembilan Darul Khusus.** jelas bahawa permohonan ini memenuhi kehendak Seksyen 45 (1) (C) EUUKINM 2002 yang hanya memerlukan pemastautinan satu pihak sahaja adalah di Negeri Melaka. Seksyen 2 EUUKINM 2002 memperuntukkan “**bermastautin**” ertinya *tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu.*

Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1994) 9 bhg 1J.H 16** Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menyatakan bahawa perkataan mastautin seperti yang terdapat dalam Seksyen 2 enakmen tersebut hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam suatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di dalam kawasan ia berada.

Secara ringkasnya mahkamah ingin menarik perhatian beberapa isu yang harus diteliti mahkamah sebelum mahkamah boleh mengeluarkan keputusan dan perintah ini antaranya :-

1. *Apakah dakwaan Plaintiff defendan telah gagal memberikan nafkah zahir dan batin dalam tuntutan fasakhnya.*

Plaintiff mendakwa didalam tuntutannya bahawa defendan telah mengabaikan nafkah zahir dan batin sejak menghantar beliau pulang ke rumah ibu bapanya iaitu semenjak

3Oktober 2005 , ketika itu defendan keluar rumah kediaman terakhir mereka di No.420 Lorong PP13, Taman Pinggiran Pedas, 71400 Pedas Negeri Sembilan.

Plaintif mendakwa defendan lazim menyakiti mental plaintif dengan sikapnya yang panas baran dan suka memarahi plaintif tiap kali pertengkaran berlaku, sehingga menyebabkan hidup plaintif tertekan. Selain itu defendan tidak hormat kepada ibu plaintif dan juga keluarganya .

Akibat dari tindakan defendan tersebut telah membuat plaintif tawar hati untuk hidup bersama lagi dengan defendan dan sehingga menyebabkan plaintif memfailkan kes tuntutan fasakhnya terhadap defendan

Mahkamah berpuashati dengan keterangan saksi-saksi yang dikemukakan plaintif .dan juga defendan . serta hujahan yang telah disediakan oleh yang bijaksana peguam pihak-pihak dalam kes ini .

Mahkamah juga merujuk kepada **Seksyen 53 Enakmen undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** ada menyebut seperti di bawah:-

**53.(1) Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu-**

- a- bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- b- bahawa suami telah cuai dan telah tidak mengadakan peruntukkan bagi nafkahnya selama tempoh tiga (3) bulan;
- c- d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

- d- h) Bahawa suami atau isteri menganiaya isteri atau suaminya iaitu, antara lain-
  - (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya;
- e- (l) apa - apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah Hukum Syarak.

Sebelum kita teruskan ulasan berkenaan keterangan plaintif dan saksi-saksi plaintif kita lihat dahulu tentang beban pembuktian

Beban Pembuktian menurut Undang-Undang sebagaimana yang ditetapkan oleh sek.72 EKSNM 2002 ;

*“Dalam kes mal beban memberi keterangan (baiyyinah ) ke atas pihak yang mendakwa ( al-muddaie ) dan sumpah atas yang engkar ( al-muda’a alaih ).*

Peruntukkan ini bersumberkan Hadis Nabi s.a.w.;

**البينة على المدعى واليمين على من أنكر**

Ertinya : *“keterangan tertanggung ke atas pihak yang mendakwa, manakala yamin (sumpah penafian) tertanggung ke atas orang yang di dakwa.”*

Menjelaskan Prinsip ini bilamana pihak yang didakwa menafikan dakwaan pihak yang mendakwa maka pihak yang mendakwa perlu mengemukakan keterangan (bukti) untuk membolehkan hakim memberi penghakiman bagi pihaknya tetapi jika ia gagal membawa bukti, mahkamah atas permintaan pihak yang mendakwa akan meminta pihak yang didakwa bersumpah (yamin) dan jika ia bersumpah maka dakwaan P akan ditolak. Sebaliknya jika D enggan bersumpah (nukul yamin), sumpah tersebut akan diberikan kepada P (yamin al-mardudah) dan jika P bersumpah maka dakwaannya akan diterima dan dibenarkan.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Untuk menentukan beban pembuktian sesuatu fakta maka adalah perlu dirujuk kepada takrif al-mudda'ie dan al-mudda'a alaih yang disebut dalam Hadis berkenaan. Mahkamah tidak bergantung kepada piha-pihak yang dinamakan di dalam kes ini sebagai Plaintiff dan Defendan untuk menentukan ke atas siapa terletaknya beban pembuktian sesuatu fakta. Aturan 8 Kaedah 1 ( 1) EPMSNM 2002 menghendaki *“yang menuntut dan yang membela hendaklah ditafsirkan sewajarnya”*. Ianya amat penting supaya mahkamah tidak tersilap meletakkan beban pembuktian sesuatu fakta ke atas sesuatu pihak.

Dr. Abdul Karim Zaidan dalam hal ini menulis dalam kitabnya Nizam al-Qadha di hlm. 106. Beliau mengatakan bahawa mengetahui dan membezakan antara “al-mudda'ie” dan “al-mudda'a alaih” adalah suatu pengetahuan yang wajib dikuasai oleh seseorang hakim dan pihak-pihak yang bertikai supaya ia boleh menentukan siapa al-mudda'ie yang ditanggung atasnya dengan keterangan dan siapa al-mudda'a alaih yang ditanggung ke atasnya dengan ‘yamin” apabila ia menafikan dakwaan pihak mudda'ie sebagaimana yang dikehendaki Hadis Nabi berkenaan. Betapa pentingnya pengetahuan berkenaan dengan perkara ini diungkapkan oleh beliau dengan kata-kata seperti berikut:

ومما يعين على معرفة المدعي والمدعى عليه معرفة الفرق بينهما ، لا سيما وأن هذا الفرق قد يدق ويخفى ولا يظهر لأول وهلة ، اذ ليس كل طالب مدعى وليس كل مطلوب منه مدعى عليه ، ولهذا أدخل الفقهاء في تعارفهم بعض الضوابط للتفريق بينهما

Maksudnya: *“cara yang boleh menentukan siapa al-mudda'ie dan siapa pula al-mudda' alaih adalah dengan mengetahui perbezaan antara keduanya. Sekali imbas perbezaan antara keduanya tidak begitu jelas dan tidak ketara kerana bukanlah semua orang yang menuntut ( plaintiff ) adalah mudda'ie dan bukan semua orang yang kena tuntutan itu ( defendan ) adalah al-mudda'a alaih. Kerana itu Para Fuqaha telah memasukkan dalam takrif mereka beberapa ciri yang dapat membezakan antara keduanya”*.

Beliau di dalam m.s. 102-103 telah memperturunkan beberapa takrif yang diberikan oleh fuqaha, antaranya;

- أ - المدعي من يدعي أمرا باطنا خفيا ، والمدعى عليه من يدعي أمرا ظاهرا جليا  
ب - المدعي من كان قوله خلاف أصل أو عرف ، والمدعى عليه من كان قوله على أصل أو عرف

Ertinya: ( 1 ) “ *muddaie ialah seseorang yang mendakwa sesuatu perkara yang tersembunyi, almudda’a alaiyah pula adalah orang yang mendakwa sesuatu yang zahir lagi jelas*” ( 2 ) “*al-muddai’e ialah orang yang kata-katanya menyalahi asal atau dapt kebiasaan (‘urf) manakala al-mudda’a alaih pula orang yang kata-katanya menepati asal atau ‘urf.*”

Takrif ini adalah selari takrif yang diberikan oleh mazhab Shafie, sebagaimana yang disebut di dalam Kitab Mughni Muhtaj, Jilid 6, hlm 421 menyebutkan:

**والأظهر أن المدعى من يخالف قوله الظاهر ، والمدعى عليه من يوفقه**

Ertinya: “*mengikut pendapat yang azhar, al-muddaie ialah orang yang kata-katanya menyalahi zahir sesuatu perkara, manakala orang yang didakwa (al-mudda’a alaih) ialah orang yang kata-katanya menepati zahir sesuatu perkara*”

Asal atau zahir sesuatu itu mengikut kaedah fiqhiyyah adalah seperti berikut:

**الأصل العدم أو الأصل في الأمور العارضة العدم**

Ertinya: “*asal itu tidak ada atau asal pada perkara yang baru muncul atau yang mendatang itu tidak ada.*”

Tn Hj. Mohd. Salleh b. Hj. Ahmad, dalam bukunya Qawa'id al-Fiqhiyyah di m.s. 590-591 menghuraikan maksud kaedah seperti berikut:

*“umumnya diketahui bahawa al’adam (tiada) iatu adalah lebih dahulu daripada al-wujud (ada), maka setiap sesuatu yang didakwa muncul dan wujudnya bererti ia di dahului oleh al-a’dam . Justeru itu maka al-a’dam yang mendahului ke atas al-wujud yang didakwa itu telah sabit dengan yakin, sementara benda yang didakwa wujud sebelum dibuktikan adalah masyquq fihi ( diragui) sedangkan keyakinan sesuatu perkara tidak boleh dihilangkan dengan zan lawannya sahaja. Oleh yang demikian maka al-a’dam itulah yang*

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

*diyakini kerana ia sesuatu keadaan yang tabi'e dan perubahan kepada wujud itu sesuatu perkara yang baru yang diragukan, lagipun al-a'dam itulah yang asal, maka mesti dikekalkan hingga terbukti sabit sesuatu yang menghilangkannya.”*

Seterusnya beliau di m.s. 592 memberikan contoh-contoh hukum yang termasuk di bawah kaedah ini antaranya “suami isteri yang telah lama tinggal bersama, apabila isteri mendakwa tidak diberi pakaian dan nafkah, maka dakwaan isteri akan diambil kira kerana pada asalnya kedua-dua perkara itu kekal tanggungjawab suami dan tidak ditunaikan”. Ini selaras dengan apa yang disebut dalam kitab Ianat al-Talibin, juz 4, hlm.71:-

(( وهي في عدم النشوز والإنفاق )) أي وتصدق هي فيما لو اتفقا على التمكين  
وادعى هو نشوزها بعده وهي عدمه أو ادعى هو الإنفاق عليها وادعت هي عدمه،  
وذلك لأن الأصل عدم النشوز وعدم الإنفاق

Maksudnya: “diterima dakwaan isteri di dalam situasi kedua-dua suami isteri tinggal bersama dan suami mendakwa isterinya itu nusyuz dan isteri pula mendakwa sebaliknya atau suami mendakwa ia memberi nafkah tetapi dinafikan oleh isteri kerana pada asalnya isteri tidak nusyuz dan pada asalnya nafkah tidak diberi.”

Berdasarkan takrif itu mahkamah akan menentukan siapa yang menanggung beban pembuktiaan terhadap sesuatu fakta dalam kes ini. Dalam soal sama ada nafkah dibayar atau tidak kepada P, maka D menanggung beban pembuktian kerana mengatakan sesuatu yang berlawanan dengan asal atau zahir iaitu pada asalnya nafkah tidak dibayar dan P termasuk dalam takrif al-mudda'a alaih dalam isu ini walaupun beliau Plaintif dalam kes ini. Berlawanan dengan soal minum arak, menagih dadah, berjudi dan mencuri kerana seseorang itu tidak berperangai seperti itu pada asalnya, maka P menanggung beban pembuktian terhadap fakta-fakta berkenaan.

Jelas disini beban pembuktian terletak di tangan defendan iaitu untuk membuktikan yang nafkah ada diberi kepada plaintif. Didalam keterangan plaintif dan saksinya. Tiada keterangan yang kukuh dan konsisten diberikan tentang dakwaan nafkah tidak diberi,



keterangan secara dengar cakap sahaja , Manakala defendan dapat membuktikan nafkah diberi melalui pembuktiaan secara dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah oleh peguamnya. iaitu bayaran nafkah ke akaun Bank islam plaintif sebanyak Rm150 sebulan semenjak plaintif tinggal berasingan. Mahkamah bersetuju dengan hujah Yang Bijaksana Peguam Plaintif yang menjelaskan Plaintif sendiri tidak menafikan malah apabila disoal hanya menjelaskan tidak mencukupi.

Mahkamah dengan ini menolak dakwaan pertama plaintif kerana gagal dibuktikan sepenuhnya bahawa defendan telah gagal atau cuai dalam menyediakan nafkah terhadapnya Firman Allah S.W.T surah At-Talaq ayat 7

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا  
ءَاتَاهُ اللَّهُ لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا ءَاتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

7. *hendaklah orang Yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa Yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa Yang diberikan Allah kepadanya (sekadar Yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) Yang diberikan Allah kepadanya. (orang-orang Yang Dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*

**Isu berkenaan adakah defendan gagal menunaikan nafkah batin terhadap plaintif?**

Bagi mengulas isu yang kedua ini iaitu dimana adakah pihak defendan gagal memberikan nafkah batin kepada plaintif melebihi tempoh setahun lamanya .berdasarkan sebuah hadis :

Rasulullah s.a.w juga ada bersabda yang berbunyi:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

**Maksudnya:**

**“Dan takutlah kamu akan Allah dalam perkara - perkara perempuan - perempuan kerana sesungguhnya kamu telah ambil mereka dengan amanah Allah, kamu telah menghalalkankemaluan mereka dengan kalimah Allah dan bagi mereka atas kamu rezeki mereka dan pakaian mereka yang baik.”**

Jika melihat kepada mafhum hadis ini jelaslah menunjukkan betapa wajibnya bagi seorang suami memberi nafkah kepada isteri ini termasuklah nafkah yang meliputi zahir juga nafkah batin,.

Plaintif didalam keterangannya mendakwa defendan sejak tinggalkan beliau tidak pernah memberikan nafkah batin sejak 3.10.2008 iaitu semenjak menghantar plaintif pulang ke rumah ibu bapanya.

Mahkamah mengulas persoalan nafkah batin ini sebenarnya nafkah yang hanya dapat ditunaikan sekiranya pasangan ini tinggal bersama tetapi didalam kes ini jelas plaintif dan defendan tidak tinggal hamper 2tahun dan bagaimana nafkah ini dapat ditunaikan.

Tiada sebarang keterangan plaintif mahupun saksinya yang dibuktikan diMahkamah yang menunjukkan defendan sengan sengaja atau cuai tentang nafkah batin ini.

Sebaliknya defendan dan saksinya telah dapat membuktikan ada usaha untuk kembali bersama dengan beberpa kali ingin berjumpa dan memujuk plaintif untuk kembali bersama semula.

Mahkamah bersetuju dengan hujjah peguam plaintif tentang sepanjang tempoh nikah tidak ada dakwaan defendan cuai mengadakan nafkah tersebut.

Tetapi sejak berasingan memang plaintif tidak mendapat ini dengan jelas bagaimana hendak dilaksanakan nafkah batin tersebut jika plaintif sendiri enggan bersama dengan defendan.

Mahkamah juga menolak dakwaan plaintif berkenaan soal defendan cuai dan abaikan nafkah batin terhadap plaintif .

**Isu ketiga adakah defendan telah berlaku aniaya dengan lazim menyakiti mental terhadap plaintif menyebabkan plaintif menderita selama perkahwinan?**

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Perkataan “**lazim menyakiti**” (atau **habitually assaults**) di dalam contoh (i) di bawah Seksyen 53 (1) (h) tidak bermakna memukul dengan cara fizikal. Didalam bahasa perundangan, ada perbezaan makna di antara “assault” dan “battery”. Perkataan “battery” bermakna memukul dengan cara fizikal, tetapi perkataan “assault” tidak begitu. **Oleh yang demikian perkataan “lazim menyakiti” hanya relevan di dalam kes penganiayaan berbentuk mental seperti menyakiti hati dan perasaan yang hanya timbul apabila berlaku acapkali dalam satu jangka masa dan oleh itu berkehendakkan “lazim” atau “habitual” dibuktikan oleh isteri.**

Mahkamah dalam menghuraikan isu kedua ini cuba menghayati dan meneliti setiap ulasan dan keterangan plaintif dan saksi plaintif namun tiada sebarang bentuk perbuatan atau ayat yang menunjukkan wujud istilah penganiayaan terhadap plaintif oleh defendan samada memukul secara fizikal atau pun mengeluarkan kata-kata kesat seperti memaki hamun, menghina, mencerca dan seumpamanya. Apa yang diujahkan oleh plaintif lebih berbentuk ketiadaan unsur hormat kepada ibunya dan itulah punca plaintif tawar hati dengan defendan tiada juga keterangan dari mana-mana saksi plaintif yang menjelaskan tentang berlakunya perlakuan aniaya tersebut dan ini jelas gagal di buktikan maka bagaimana mahkamah boleh mensabitkan dakwaan tersebut

**Mahkamah dalam menghujah kan perkara ini dan memahami bahawa perkara yang lazim menyakiti dan penganiayaan boleh di sabitkan sekiranya wujud pembuktian yang benar benar berlaku disamping mungkin dengan tiada penafian dari defendan namun sebaliknya apa yang berlaku ialah plaintif sendiri semasa memberi keterangan tidak membuktikan defendan lazim menyakiti dan berlaku penganiayaan samada secara fizikal ataupun kata kata.**

Tiada sebarang report polis dibuat, tiada laporan pemeriksaan oleh mana-mana doctor samaada daripada Hospital Awam mahupun Swasta. Jelas menunjukkan plaintif gagal membuktikan wujudnya keadaan lazim menyakiti sama ada dari mental dan fizikal .

Mahkamah mengulas perkara tersebut berlaku di sebabkan sikap defendan yang mungkin bersifat pendiam dan tidak banyak perkara yang mahu di bualkan. Sikap seperti ini juga adalah merujuk sifat keperibadian seseorang. Syeksen 53 (1)(h)(i) EUUKINS 2002 ini tiada menghuraikan maksud untuk mengubah sikap seseorang individu. Pada pandangan mahkamah dalam usia awal perkahwinan akan wujud perkara seperti ini di sebabkan pasangan masih belum mengenali secara lebih mendalam sikap dan perangai pasangan masing masing. Oleh eyang demikian ia juga perlu

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

kepada masa atau tempoh. Oleh yang demikian mahkamah beranggapan bahawa ilmu rumahtangga adalah suatu yang kompleks yang perlu kepada kesefahaman toleransi dan ilmu rumahtangga itu sendiri. Adalah suatu yang sukar untuk mahkamah menilai sesuatu dakwaan apabila perkara asas dalam seksyen ini 53 (1)(h)(i) EUUKINM 2002 tidak di buktikan sepenuhnya.

Mahkamah juga mengulas berkaitan keterangan plaintif yang mendakwa beliau seringkali disakiti oleh kata-kata kesat defendan iaitu menggunakan perkataan BOH yang bermaksud BODOH , Tidak ada sebarang keterangan saksi-saksi plaintif berkenaan dakwaan ini, apakah dengan perkataan ini bermaksud menghina?di dalam Qaedah Fiqhiyah terdapat satu qaedah yang dipanggil Al-adah Muhakkamah (Perkara Kebiasaan yang dianggap hokum) sebagai contoh . perkataan menghina atau mencela didalam masyarakat kita ini yang lazim kita ketahui seperti Bodoh. Bahlul Bangang . atau apa sahaja yang selagi mana ia jelas dan difahami oleh masyarakat setempat.

Dakwaan plaintif juga defendan seorang yang panas baran adalah berbeza dengan keterangan plaintif sendiri dimana tidak terdapat keterangan plaintif sebarang report polis, laporan doctor mahupun laporan pemeriksaan Hospital tentang hal ini.

Jika benar defendan seorang yang panas baran tentulah telah lama berlaku perkara tersebut didalam tempoh perkahwinan hamper 9 tahun .mahkamah mendapati dakwaan tersebut juga gagal dibuktikan disamping tiada hujjah yang kukuh berkaitan dakwaan defendan lazim menyakiti juga kelakuan aniaya.

Mahkamah bersetuju dengan hujah plaintif berhubung dalil AlQuran yang telah dikemukakan oleh plaintif merujuk surah Al Hujurat ayat 9 dan surah An Nisa ayat 128 berhubung galakan Islam supaya diwujudkan unsur –unsur perdamaian kerana ia lebih baik.

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقْتُلُوا الَّتِي تَبَغَى حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

9. dan jika dua puak dari orang-orang Yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap Yang lain, maka lawanlah puak Yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya Dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam Segala perkara); Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil.

Manakala didalam surah An-Nisa ayat 128 yang berrbunyi:-

وَإِنْ أَمْرًا خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ  
يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ  
تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٢٨﴾

128. dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara Yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi Yang ada pada manusia. dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka Sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuannya akan apa Yang kamu lakukan.

Bukankah isu yang di bangkitkan ini menggambarkan bahawa masalah yang berlaku ini sudah tidak boleh diselamatkan lagi? Telah berpuas hatikah pihak pihak berkaitan tempoh dan usia perkahwinan yang di lalui dengan mudah untuk menganggap bahawa ikatan perkahwinan yang dilalui telah gagal? Maka persoalan ini seharusnya ada jawapan bukan di dunia tetapi adalah lebih besar dihadapan Allah SWT.

Mahkamah tidak ingin mengulas berkaitan alasan-alasan lain yang bersesuaian mengikut hokum syara` dimana sepatutnya alasan ini diulas dengan bijak oleh peguam plaintif dan mahkamah tidak Nampak ada keterangan yang berkaitan dengan alasan tersebut.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Jika melihat kepada perjalanan kes ini mahkamah berpendapat plaintif tidak dapat membuktikan tuntutan di dalam mahkamah Yang Mulia ini, mahkamah mengucapkan terima kasih kepada Yang Bijaksana kedua-dua peguam pihak-pihak kerana menyediakan hujahan bagi membantu mahkamah dalam membuat keputusan .

Mahkamah menyimpulkan berkaitan keseluruhan kes ini dengan wujud keraguan dalam dakwaan yang di buat oleh plaintif dan juga plaintif gagal membuktikan setiap dakwaan tersebut agar menepati sebagaimana kehendak Syeksen 53 (1)(d)(h)(i)(l) EUUKINM 2002 .

Pada Pendapat Mahkamah, Mahkamah hanya menghukum berdasarkan apa yang dizahirkan sahaja sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:-

امرت أن أحكم بالظواهر والله يتولى بالسرائر

Maksudnya:-

“Aku di suruh menghukum dari segi zahirnya, Allah sahaja mengetahui apa yang tersirat ataupun sebaliknya.”

## 2. KEPUTUSAN

Setelah mahkamah mendengar keterangan pihak plaintif juga pihak defendan . mahkamah turut mendengar keterangan saksi pihak-pihak . Mahkamah juga meneliti hujahan yang disediakan oleh yang bijaksana peguam pihak-pihak. Maka dengan ini mahkamah putuskan seperti berikut

- 1. Plaintif gagal membuktikan tuntutan fasakhnya maka dengan ini mahkamah menolak tuntutan fasakh tersebut*
- 2. Mahkamah juga arahkan Kos di tanggung masing-masing oleh pihak-pihak.*
- 3. Pihak-pihak yang tidak puashati dengan keputusan boleh kemukakan rayuan 14 hari dari tarikh keputusan dibacakan.*

.....  
(MOHD MIRZA BIN ABDUL RASHID)

9/11/2010

jam :

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**